

# AKUR RAIH GANGSA

Jumiati Rosly  
jumiati@nstp.com.my

■ Penerjun Korea Utara pintas Pandelega,  
Jun Hoong pada dua terjunan terakhir di Fuji  
HARIAN METRO 16/3/2018 p. 60

Kuala Lumpur

Gandingan penerjun wanita negara, Pandelega Rinong Pamg dan Cheong Jun Hoong terpaksa akur dengan meraih pingat gangsa dalam acara 10 meter (m) platform seirama wanita pada kejohanan Siri Dunia Terjun FINA kedua di Fuji di Jepun, semalam.

Pasangan itu sebelum ini memenangi pingat perak pada kejohanan pertama Persekutuan Renang Antarabangsa (FINA) yang berlangsung di Beijing, China pada minggu lalu.

Dalam saingan yang diadakan di Kolam Renang Shi-zuoka Prefectural Fuji itu, pasangan penerjun negara itu mengumpul 310.32 mata untuk menamatkan saingan di tempat ketiga.

Gandingan yang memenangi perak di Sukan Olimpik 2016 Rio itu bagaimanapun mulanya berada di kedudukan kedua sehingga

sih kekal menyumbang pingat buat negara," kata Jun Hoong yang akan bersaing dalam acara 10m platform individu bersama Pandelega hari ini.

Pandelega pula berkata, dia gembira dengan persembahan gandingan mereka itu yang mana mempamerkan persembahan yang konsisten.

Pasangan dari China, Zhang Jiaqi-Zhang Minjie yang turut mendominasi pada siri pertama minggu lalu, sekali lagi mempamerkan kehebatan mereka apabila membawa pulang emas dengan mengumpul keseluruhan 335.70 mata.

Sementara itu, satu lagi gandingan negara, Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri yang beraksi semalam sekadar menduduki kedudukan keenam dengan mengumpul 253.14 mata dalam saingan 3m papan anjal seirama wanita. Gandingan China, Chang Yani dan Shi Tingmao merangkul pingat emas acara itu dengan keputusan 319.80 mata.

terjunan ketiga, namun penerjun Korea Utara, Kim Mi Rae-Kim Kuk Hyang berjaya memintas selepas terjunan keempat dan kelima untuk mengatasi mereka dengan perbezaan 1.26 mata.

"Saya tetap gembira dengan pingat hari ini (semalam). Bersyukur kerana ma-



PANDELEGA

JUN Hoong